

## Karnival Kerjaya dan Pameran Kerjaya Berasaskan Sektor Manfaatkan Pelajar UMP

Kuantan, 23 Mei- Sebagai usaha meningkatkan pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) menganjurkan Hari Industri dan Pameran Kerjaya Berasaskan Sektor (SFCE) yang berlangsung selama dua hari di Dewan Astaka UMP Gambang.



Kolaborasi kedua-dua penganjur melibatkan universiti dan TalentCorp ini adalah untuk menyediakan kumpulan modal insan yang kukuh dan mampan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak industri bagi memenuhi keperluan ekonomi yang semakin kompetitif.

Dalam majlis ini menyaksikan Penolong Pengarah Kanan Bahagian jaringan Industri Kementerian Pendidikan Malaysia, Subramaniam a/l Krishnasamy hadir merasmikan program. Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Pengurus Malaysian Talent Development, Nurul Azwa Hussein dan Pengarah Bahagian Jaringan dan Industri dan Masyarakat (BJIM), Profesor Dr. Zulkefli Yaakob.

Menurut Profesor Dr. Mashitah berkata, karnival berfokuskan bidang kejuruteraan ini sangat memberi manfaat kepada pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar tahun tiga dan tahun akhir untuk melihat peluang prospek kerjaya dalam bidang yang dipelajari, penempatan latihan industri dan peluang mendapatkan pekerjaan.



“Sebagai salah satu universiti awam Malaysia, UMP juga sentiasa memastikan bentuk modul pembelajaran dan pengajaran terutamanya kurikulum dan kokurikulum sentiasa menepati kehendak industri agar pelajar kompeten serta berdaya saing.

“Banyak maklumat yang diperoleh daripada wakil industri yang hadir menyertai karnival ini selain temuduga spontan yang banyak membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri yang akan diguna kelak,” katanya.

Ujarnya, sepanjang program berlangsung, pelajar dapat menghadiri temuduga terbuka, perkongsian kerjaya dan menyaksikan pameran industrimembabitkan 35 industri berfokuskan kejuruteraan.

Mengulas lanjut, UMP turut mengadakan Hari Industri sejak sebulan lalu bagi mengadakan perbincangan dengan industri dan berkongsi kepakaran daripada pihak industri sendiri dalam melatih pelajar membuat persediaan sebelum melangkah dalam bidang pekerjaan.



Tambah beliau, SFCF 2015 adalah amat tepat pada masanya, kerana ianya menangani kebimbangan kerajaan semasa ke atas pembangunan bakat, siswazah dan kecekapan pelajar, isu-isu yang memerlukan perhatian serius pihak kementerian dan universiti.

UMP menyambut baik hubungan strategik dengan pihak TalentCorp ini yang merupakan suatu platform dalam merapatkan hubungan industri dan universiti malahan SFCF dapat memanfaatkan kedua-dua belah pihak. Hampir 3000 pelajar hadir untuk bertemu dan berinteraksi dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil-wakil pengurusan sumber manusia daripada syarikat-syarikat yang menyertai karnival kali ini dalam sesi *Coffee Talk*, *Celebrity Talk* dan temuduga terbuka.

***Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 25-05-2015, 08:37:47